



Nota Penting

Kata tanya digunakan untuk **menanyakan** sesuatu perkara, orang, benda, binatang, tempat, sebab, masa, dan bilangan.

Ayat tanya diakhiri dengan **tanda tanya (?)**.

Kata Tanya	Ayat Contoh
Apa	Apakah warna beg kamu ?
Siapa	Siapakah yang ingin membeli buku ini ?
Bila	Bilakah ayah pulang ?
Mana	Di manakah kasut saya ?
Berapa	Berapakah umur kamu ?
Mengapa	Mengapakah adik menangis ?
Bagaimana	Bagaimanakah kamu membuat biskut ini ?

A Berdasarkan jawapan, isi tempat-tempat kosong dengan kata tanya yang paling sesuai.

Bagaimana

Mana

Mengapa

Berapa

1

_____kah kamu menangis?

Saya menangis kerana kucing peliharaan saya telah mati dilanggar kereta.



2

_____kah harga jam tangan ini?

Jam tangan ini berharga seratus Ringgit.



3

_____kah kamu pergi ke sekolah?

Saya pergi ke sekolah dengan menaiki bas sekolah.



4

Di _____kah dia bersembunyi?

Dia bersembunyi di sebelah pintu.



B Tandakan (✓) pada kata tanya yang betul.

1.

Siapakah		Apakah	
----------	--	--------	--

 warna kegemaran kamu?

Warna kegemaran saya ialah warna biru.

2. Di

manakah		apakah	
---------	--	--------	--

 buku itu?

Buku itu di dalam kotak.

3.

Siapakah		Apakah	
----------	--	--------	--

 nama abang kamu?

Nama abang saya ialah Ahmad.

4.

Siapakah		Bilakah	
----------	--	---------	--

 kemalangan itu berlaku?

Kemalangan itu berlaku pada waktu malam.

C Isi tempat-tempat kosong dengan kata tanya yang betul.

Bagaimana

Siapa

Berapa

mana

Apa

- Cikgu Mansur : ⁽¹⁾ _____kah nama ayah kamu?
Wei Chang : Nama ayah saya Goh Hua Nam.
Cikgu Mansur : ⁽²⁾ _____kah umur ayah kamu?
Wei Chang : Umur ayah saya 35 tahun.
Cikgu Mansur : ⁽³⁾ _____kah pekerjaan ayah kamu?
Wei Chang : Ayah saya ialah seorang polis.
Cikgu Mansur : Di ⁽⁴⁾ _____kah kamu tinggal?
Wei Chang : Saya tinggal di Taman Mewah.
Cikgu Mansur : ⁽⁵⁾ _____kah kamu datang ke sekolah?
Wei Chang : Saya datang ke sekolah dengan menaiki bas sekolah.

UNIT 12

Kata Majmuk



Nota Penting

Kata majmuk terdiri daripada dua kata, atau lebih yang membawa maksud tertentu.

Contoh : kapal terbang jalan raya air hujan
papan hitam bola sepak jam tangan

Ayat Contoh : 1. Rahim memasukkan surat ke dalam **peti surat**.
2. Nenek mengesat peluh dengan **sapu tangan**.

Berpandukan gambar, bina kata majmuk daripada perkataan di bawah. Kemudian, tulis kata majmuk di ruang yang sesuai.

anak	belang	raya	pangsa
kuda	lembu	sejuk	panjang
lampu	peti	isyarat	bunga
rumah	kacang	patung	kereta

1.



2.



3.




4.



5.



6.



7.



8.

